

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah  
[ Kuala Terengganu ]

**TARIKH :** 18.3.2014

**SOALAN :**

Y.B. Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [ Kuala Terengganu ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakan perancangan jangka masa panjang untuk melatih dan memberi kursus pengajian sijil/diploma/ijazah yang diperlukan untuk mengisi keperluan hotel-hotel tempatan yang sekarang ini kakitangannya ramai terdiri daripada warga asing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi melahirkan graduan yang memenuhi keperluan dan kehendak sektor perhotelan dan pelancongan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menukuhan Jawatankuasa *Task Force Program Hospitaliti dan Pelancongan* yang bertanggungjawab untuk memberikan khidmat nasihat kepada Kementerian dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan program Hospitaliti dan Pelancongan seperti mencadangkan pindaan dan perubahan kurikulum bagi memenuhi keperluan pasaran, mengenal pasti dan mencadangkan bentuk latihan, pembangunan pendidikan dan kemahiran yang berkaitan serta mengenal pasti dan mencadangkan kaedah serta bentuk program kerjasama antara institusi pengajian tinggi (IPT) bagi tujuan perkongsian kemudahan, sumber dan kepakaran.

Selain itu, program di peringkat Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti Antarabangsa telah diperkenalkan di politeknik pada September 2013. Di samping itu, pemerkasaan Kolej Komuniti dibangunkan melalui strategi pemerkasaan kurikulum bagi program Sijil Kolej Komuniti dan menambah baik kaedah pembelajaran dan pengajaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Sistem Kajian Pengesahan Graduan yang dilaksanakan oleh KPM semasa hari konvokesyen pada tahun 2013 menunjukkan seramai **5,772 orang atau 71.3 peratus graduan jurusan hospitaliti dan pelancongan di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dari IPT telah bekerja.** Graduan keluaran institusi pengajian tinggi ini adalah untuk mengisi jawatan di peringkat pengurusan atau profesional.

Selaras dengan usaha Kerajaan dalam melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara dengan memperkasakan modal insan dalam sektor perkhidmatan dan pelancongan, *Malaysia Centre For Tourism & Hospitality* (MyCenTHE) telah ditubuhkan pada 18 Ogos 2011 dan Universiti UCSI telah dilantik sebagai penggerusi MyCenTHE. Peranan utama MyCenTHE adalah untuk meningkatkan kualiti pendidikan dalam bidang hospitaliti dan pelancongan, selain mempromosikan kurikulum pembelajaran berasaskan kerja (*Work-Based Learning, WBL*) melalui kerjasama strategik dengan pemain industri hospitaliti dan pelancongan di Malaysia.

Rjm31